

**Durian Runtuh Adalah Balasan Kecemerlangan Felda
Bernama
09 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) menyifatkan pemberian 'durian runtuh' kepada warga Felda seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan balasan terhadap kecemerlangan Felda selama 56 tahun.

Pengerusi GWGF Tan Sri Rozali Ismail berkata peneroka, penerokawati, generasi baru serta kakitangan Felda telah diiktiraf kerajaan sebagai pemangkin kecemerlangan Felda.

"Wajarlah mereka ini dibalas dengan pemberian perkongsian kekayaan apatah lagi penyenaian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) nanti bakal melakar sejarah ketamadunan Felda yang lebih gemilang," katanya dalam kenyataan di sini.

Dalam pengumuman Najib di hadapan 50,000 warga peneroka Felda di Jerantut, sejumlah RM1.689 bilion akan diagih kepada 112,635 keluarga peneroka di seluruh negara sempena penyenaian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia.

Najib berkata pemberian durian runtuh itu akan dilakukan dalam tiga fasa iaitu fasa pertama berjumlah RM5,000 untuk ketua keluarga, fasa kedua sebanyak RM5,000 untuk isteri peneroka dan fasa ketiga RM5,000 kepada generasi kedua Felda

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664867>